Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. (2.4)

Encik Lim ialah jiran kami. Kami berjiran sejak lima tahun lalu. Encik Lim ada empat orang anak. Saya dan anak-anak Encik Lim berkawan baik.

Pada masa lapang, saya suka bermain piano di rumah Encik Lim bersama-sama anaknya. Puan Lim pula akan menyediakan kuih donat untuk kami. Bapa dan Encik Lim pula berbual-bual di luar rumah.

Kami berasa gembira kerana mempunyai jiran yang baik seperti Encik Lim sekeluarga.

1 Siapakah Encik Lim?

A Jiran "saya" **B** Guru "saya"

2 "Saya" dan Encik Lim berjiran sejak bila?

A Tiga tahun lalu **B** Lima tahun lalu

3 "Saya" dan anak-anak Encik Lim suka bermain apa?

A Basikal **B** Piano

4 Di manakah bapa "saya" dan Encik Lim berbual-bual?

A Di halaman rumah

B Di dalam rumah

5 Siapakah menyediakan kuih donat untuk mereka?

A Emak Encik Lim

B Isteri Encik Lim